

Tiada yang terkecuai daripada disiasat SPRM

BANTING - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menegaskan tiada siapa pun akan terkecuai daripada disiasat agensi itu selagi wujud laporan mengaitkan individu tertentu dengan gejala rasuah.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Latheefa Koya berkata, siasatan akan dijalankan jika suruhanjaya itu menerima laporan berkaitan rasuah yang relevan daripada penyalur maklumat.

"Kami akan menyiasat apa sahaja dan siapa sahaja selagi terdapat aduan kepada SPRM. Cuma kami tidak boleh memberi komen sejauh mana penyiasatan sedang dijalankan. Jika ada pihak yang mempunyai aduan di bawah bidang kuasa SPRM, kami akan membuat susulan.

"Bagaimanapun, kami harus bersikap adil dengan meneliti terlebih dahulu maklumat yang diterima sama ada ia benar melibatkan isu rasuah dan melibatkan akta SPRM, ataupun merujuk kes tersebut kepada agensi penguatkuasaan lain," katanya selepas merasmikan penutupan Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 23 Bil 1/2018 dan Kursus Peralihan (Pengurusan dan Profesional) Siri 4/2019 di sini semalam.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai dakwaan pihak tertentu kononnya SPRM 'membersihkan'



LATHEEFA KOYA

nama Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali daripada tuduhan salah laku disebabkan hubungan baiknya dengan ketua pesuruhjaya, Latheefa menegaskan dirinya langsung tidak terlibat dalam penyiasatan isu berkenaan.

"Saya telah menyatakan sebelum

ini bahawa saya tidak akan terlibat. Saya tidak akan mengulas mengenai isu ini. Biarlah timbalan saya (Datuk Seri Azam Baki) yang menjelaskannya," kata beliau.

Kelmarin, SPRM mengesahkan dakwaan pemindahan wang berjumlah AS\$741,440 (kira-kira RM3.1 juta) daripada syarikat kejuruteraan UEM Group Berhad ke dalam akaun bank yang didakwa milik Mohamed Azmin adalah tidak wujud.

Mengenai pertambahan bilangan individu dan entiti bagi kes permohonan pelucutan hak sivil yang difailkan SPRM berkaitan dengan 1Malaysia Development Bhd (1MDB), beliau berkata, suruhanjaya itu tidak pernah menyebut senarai yang pernah dikeluarkan sebelum ini adalah jumlah muktamad.

Bagaimanapun, beliau tidak mendedahkan jumlah terkini individu dan entiti yang terlibat dalam kes berkenaan dan mengulangi bahawa pihak terbabit boleh memfailkan afidavit terhadap suruhanjaya tersebut. - *Bernama*

Senarai kedua perlucutan harta 1MDB dikeluarkan dua minggu lagi

BANTING - Senarai terbaharu individu dan entiti yang terlibat dalam kes permohonan perlucutan hak sivil berkaitan dana 1MDB yang difailkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan dikeluarkan sekurang-kurangnya dalam tem-

**SKANDAL
1MDB**

poh dua minggu lagi.

Timbalan Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki berkata, pihaknya memerlukan masa untuk membuat penelitian lanjut mengenai saksi, lokasi aset dan pelbagai aspek lain memandangkan senarai responden itu terlalu panjang.

"Kami perlu tengok balik dan

menyenarai pendek nama-nama yang kami ada ini kerana ada banyak perkara perlu dibincang dengan pegawai penyiasat dan pihak Peguam Negara. Yang mana boleh diambil tindakan undang-undang, kami akan lakukan," katanya di sini semalam.

Bagaimanapun, beliau enggan mendedahkan anggaran jumlah

individu dan entiti yang bakal didedahkan, namun menyarankan pihak yang pernah menerima dana berkenaan supaya memulangkannya semula.

"Sebenarnya, mereka sendiri tahu yang mereka ada terima wang (dana 1MDB) kerana ia diberi dalam bentuk cek, bukan tunai," katanya.